

Headline	WAIBS dan peranan sekolah perniagaan di dunia Islam		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Jul 2012	Color	Black/white
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	G6	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	712 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,440
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,319



© Dari Meja NC

# WAIBS dan peranan sekolah perniagaan di dunia Islam

» **Potensi memajukan** produk halal, kewangan dan perbankan tanpa riba



← **Profesor  
Datuk Dr M  
Mustafa Ishak**  
Naib Canselor, UUM

**P**ada 8 Julai 2012 bertempat di Westin Langkawi Resort, mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad telah melancarkan *The World Association of Business Schools in Islamic Country* (WAIBS).

Penubuhan WAIBS yang diterajui oleh Universiti Utara Malaysia (UUM) melalui *Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYA GSB)* telah mendapat sambutan baik daripada sekolah-sekolah perniagaan di dunia Islam.

OYA GSB akan menjadi Sekretariat dan ibu pejabat bagi WAIBS, manakala Dekannya, Profesor Noor Azizi Ismail telah dipilih sebagai Setiausaha Agung yang pertama.

Hampir 200 Dekan atau wakil-wakil sekolah perniagaan daripada negara-negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) hadir dan menyertai konvensyen bertemakan “*Empowering the Ummah through Strategic Business School Partnerships*” (Memperkasakan Ummah Melalui Kerjasama Strategik Sekolah-sekolah Perniagaan) sempena penubuhan dan pelancaran WAIBS.

WAIBS ditubuhkan dengan tujuan membawa sekolah-sekolah perniagaan di dunia Islam berkolaborasi melalui sebuah pertubuhan antarabangsa yang akan

menyatukan mereka dan menggembeng inisiatif bagi kerjasama tiga pihak utama – kerajaan, industri/sector perniagaan dan sekolah-sekolah perniagaan, bagi

menjayakan agenda memperkasakan ummah melalui kerjasama strategik dalam pendidikan, perniagaan dan ekonomi.

Pada hari ini, terdapat sejumlah sekolah-sekolah perniagaan tersohor dunia di Amerika Syarikat (AS) dan Eropah yang sering menjadi impian ramai pelajar dan eksekutif perniagaan dan korporat dari seluruh dunia menjadi pelajar dan alumni-nya.

Paling ternama tentulah *Harvard Business School* dan terdapat sejumlah yang lain yang juga sangat terkenal seperti *Wharton, Kellogg, Stanford, London Business School, Judge Business School Cambridge, Said Business School Oxford* dan beberapa yang lain.

Selain yuran pengajian sangat mahal dan gaji tinggi dibayar kepada para profesor mereka, sekolah-sekolah perniagaan ini terkenal kerana graduannya menjadi pilihan industri dan pasaran kerjaya, manakala profesornya pula sering diundang ke seluruh dunia menyampaikan syarahan dengan yuran sangat tinggi kerana jenama sekolah perniagaan yang mereka bawa, walaupun kadangkala apa yang mereka perkatakan tidak selalunya luar biasa nilai keilmuannya.

Terdapat ramai lagi profesor dan ahli akademik ternama yang lain berkhidmat dipelbagai universiti lain yang juga sangat tinggi ilmu dan kewibawaan mereka dalam bidang akademik

masing-masing, tetapi tidaklah bernasib baik dibayar sepertimana para profesor daripada sekolah-sekolah perniagaan tersohor yang dimaksudkan itu.

Barangkali sekolah-sekolah perniagaan di dunia Islam juga boleh memilih untuk menjadi seperti mana sekolah-sekolah perniagaan tersohor tersebut dan kelebihan yang dinikmati para profesornya dari segi ganjaran kewangan yang diterima mereka.

Namun, sejauh manakah dan berapa lama lagikah masa yang diperlukan bagi sekolah-sekolah perniagaan di dunia Islam berupaya menyamai atau mengatasi mereka, tentulah amat sukar untuk ditentukan dengan pasti. Selain itu, tentu juga sangat besar dana diperlukan bagi membiayai inisiatif ini sekiranya sekolah-sekolah perniagaan di dunia Islam mahu mencapai hasrat tersebut.

WAIBS yang baru ditubuhkan itu tidak berhasrat menjadikan sekolah-sekolah perniagaan di dunia Islam terikut seratus peratus dengan model *Harvard Business School*. WAIBS cuba membawa keprihatinan sekolah-sekolah perniagaan Islam kepada beberapa fakta berikut.

Sebanyak 57 negara-negara anggota OIC berhadapan dengan jurang ekonomi sesama mereka yang amat besar. Daripada 49 negara mundur di dunia, 22 daripadanya adalah negara-negara Islam anggota OIC. Hanya tujuh negara OIC yang tergolong sebagai negara-negara berpendapatan tinggi, manakala lapan yang lain adalah

Headline	WAIBS dan peranan sekolah perniagaan di dunia Islam		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Jul 2012	Color	Black/white
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	G6	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	712 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,440
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,319

negara berpendapatan sederhana tinggi dan 20 negara yang lain berpendapatan sederhana rendah.

Walaupun negara OIC membentuk 23 peratus penduduk dunia, tetapi mereka hanya menyumbang 7.2 peratus kepada KDNK (GDP) dunia dan hanya mengekspor sebanyak 10.4 peratus produk perdagangan dunia.

Ternyata, dunia Islam rata-ratanya adalah pengguna, bukan pengeluar dan pengeksport. Itulah yang diu-

rakan oleh Tun Dr Mahathir ketika melancarkan WAIBS di Langkawi. Sedangkan, hakikatnya terdapat banyak sumber-sumber semula jadi seperti minyak dan gas serta mineral di dunia Islam yang boleh dimanfaatkan bagi tujuan membangunkan ummah.

Potensi memajukan perniagaan berdasarkan produk halal, kewangan dan perbankan tanpa riba sebagai alternatif kepada sistem riba barat yang terbukti gagal,

perkhidmatan dan industri pelancongan dan pelbagai bidang yang lain termasuk pendidikan tinggi adalah sangat besar.

Sekolah-sekolah perniagaan di dunia Islam harus berupaya mendidik pelajarannya, terutama bakal eksekutif Islam dalam perniagaan dan korporat serta kerajaan memahami isu, masalah dan potensi yang wujud di dunia Islam bagi mengembangkan perniagaan serta mengurus kekayaan mereka.

Terdapat terlalu banyak kajian kes yang boleh dibentuk dan digunakan bagi tujuan tersebut di sekolah-sekolah perniagaan di negara-negara Islam berhubung perkara ini.

Justeru, WAIBS seharusnya berupaya menampilkan satu model baru sekolah-sekolah perniagaan di dunia Islam yang mungkin sama sekali berbeza dengan model *Harvard Business School* dan seumpamanya dalam upaya memperkasakan ummah dan dunia Islam.



Tun Dr Mahathir (tengah) ketika melancarkan WAIBS baru-baru ini. Hadir sama, Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr M Mustafa Ishak (kiri) dan Dekan OYA GSB, Profesor Noor Azizi Ismail.

Headline	WaiBS dan peranan sekolah perniagaan di dunia Islam		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Jul 2012	Color	Black/white
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	G6	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	712 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,440
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,319



*Tun Dr Mahathir  
(dua dari kanan)  
bersalaman  
dengan  
peserta sambil  
diperhatikan  
Naib Canselor  
UUM, Prof Datuk  
Dr M Mustafa  
Ishak (tengah).*